

11/08/2001

Jalur Gemilang ganti bendera parti

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat disarankan supaya menurunkan bendera parti politik di kediaman masing-masing dan menggantikannya dengan Jalur Gemilang bagi memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan bermula 17 Ogos ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata inilah masa untuk orang ramai menunjukkan semangat patriotisme dan kecintaan mereka kepada negara.

Katanya, rakyat patut bersyukur kerana dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni hasil perjuangan pemimpin terdahulu yang berusaha melepaskan negara daripada cengkaman penjajah.

Beliau berkata, sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan ini, rakyat diminta mengeneipkan fahaman politik, perbezaan pendapat, pangkat dan harta masing-masing dan bersama-sama menunjukkan kecintaan kepada negara.

"Melalui pengibaran Jalur Gemilang, secara tidak langsung ia dapat membantu kerajaan menerapkan budaya persamaan atau kepunyaan kepada rakyat.

"Kita mempunyai semangat kepunyaan yang diwakili laungan merdeka, lagu Negaraku dan kibaran Jalur Gemilang," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran Upacara Pengibaran Jalur Gemilang dan Program Kebajikan Pokok Merdeka 2001 di sini, hari ini.

Program itu anjuran Kumpulan Hotel Federal International dan berlangsung selama sebulan sehingga 16 September ini. Program Kebajikan Pokok Merdeka 2001 itu bertujuan mengutip derma untuk diagihkan ke beberapa rumah kebajikan.

Bulan Kemerdekaan akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Ogos di Dataran Merdeka.

Sambutan selama sebulan sehingga 16 September itu mengandungi lima acara utama iaitu khutbah kemerdekaan, program keagamaan yang bermula pada 24 hingga 26 Ogos; perayaan Ambang Merdeka (malam 30 Ogos); sambutan Kemerdekaan dan perayaan 16 September.

Abdul Kadir berkata, rakyat perlu sedar dengan kekukuhan dan perpaduan yang wujud di negara ini secara tidak langsung dapat melemahkan anasir luar yang ingin melihat kehancuran negara.

Katanya, melalui pengibaran bendera di kediaman, premis perniagaan dan kenderaan masing-masing diharap perpaduan rakyat dapat ditingkatkan.

Dalam perkembangan yang sama, beliau turut menyeru sektor korporat menderma Jalur Gemilang kepada kakitangan masing-masing dan orang awam.

Selain itu, katanya, pemilik premis perniagaan, kompleks dan pejabat kerajaan serta swasta di bandar dan desa diminta menghias tempat masing-masing dengan lampu dan hiasan yang berwarna-warni.

Katanya, pihak berkuasa tempatan juga (PBT) diharap sudah membuat persediaan bagi menghias kawasan masing-masing untuk sambutan Bulan Kemerdekaan.

(END)